



DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN
KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI SELASA: 22 JUN 2010

**CAWANGAN
PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.**

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LIS AN YANG TIDAK DAPAT DI JAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 3, 5, 9,12 HINGGA 57)**

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2,4, 5 HINGGA 8,10,11

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

Soalan No : 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARI PAD A Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG
 (LAWAS)

TARIKH 22.06.2010

SOALAN:

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah pendekatan untuk mengadakan 'playing field' yang sama bagi pelajar-pelajar luar bandar mencapai kecemerlangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memandang berat keperluan semua murid tanpa mengira peringkat persekolahan, jantina atau lokasi. Semua maklumat terkini dan semua peluang disampaikan kepada setiap murid tanpa prajudis dan diskriminasi. Matlamat utamanya adalah supaya setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk maju, mendapat maklumat yang cukup untuk membuat keputusan dan berkeupayaan untuk memperkembangkan bakat tanpa mengira lokasi.

KPM memberi fokus kepada usaha membangunkan infrastruktur dan kemudahan pendidikan di luar bandar dan pedalaman; meningkatkan kadar penyertaan dan mengurangkan risiko kecinciran; meningkatkan bilangan guru terlatih dan mengikut opsyen di pedalaman; dan menambahbaik istem pengagihan bantuan kepada murid miskin, berkeperluan khas dan kumpulan minoriti. Selain daripada itu, keutamaan diberikan kepada murid luar bandar dalam pemilihan ke sekolah

berasrama penuh dan juga sebagai wakil dalam program-program khas yang memberi peluang kepada murid luar bandar memperkembangkan diri mereka.

KPM juga telah memperkenalkan Kaedah *Headcount* dan *Post-Mortem* kepada semua sekolah menengah dan rendah di luar bandar bagi meningkatkan pencapaian akademik murid. Melalui pendekatan ini, prestasi individu murid dipantau secara terperinci dan berkala oleh guru-guru menggunakan analisis item. Dengan cara ini, murid-murid dapat dibimbing berdasarkan keupayaan mereka dan kaedah ini didapati berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik murid .

Di samping itu, Pusat Pembelajaran Sains (PPS) turut diperkenalkan bagi meningkatkan penyertaan murid-murid luar bandar dalam aliran sains. Murid-murid yang lulus sederhana dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris PMR diberi peluang untuk mengikuti aliran sains tulen di 14 buah PPS di seluruh negara.

PERTANYAAN

AAN BAGI

JAWAB

LISAN

PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN

DARI PAD A TUAN ALEXANDER NANTA LINGGI
RAKYAT

[KAPIT]

TARIKH 22 JUN 2010

SOALAN [5] Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta
MENTERI LUAR NEGERI

menyatakan apakah yang diharapkan dan diminta oleh Kerajaan negara Amerika Syarikat (USA) dari Malaysia dalam konteks peranan sebuah negara yang berlokasi di rantau ini dan nyatakan apa yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak, USA dan Malaysia, dalam perbincangan di antara Presiden USA dan Perdana Menteri semasa lawatan rasmi beliau ke sana baru-baru ini.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapit diatas soalan yang telah dikemukakan. Dalam perkara ini, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini secara serentak bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Bachok 9 Jun 2010, soalan Yang Berhormat Pasir Salak bertarikh 23 Jun 2010 dan soalan daripada Yang Berhormat Balik Pulau bertarikh 5 Julai 2010, oleh sebab kesemua pertanyaan berkisar tentang lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak telah menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat.

YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Semasa perbincangan dua hala tersebut, kedua-dua pemimpin antara lain telah berbincang dan bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan dan pelaburan; pengajian tinggi; pelancongan; dan teknologi.

YAB Perdana Menteri juga mengambil peluang untuk menjelaskan kepada Presiden Obama perkembangan dalam negara, termasuk pelancaran dasar Model Ekonomi Baru; usaha-usaha Kerajaan untuk menambah perdagangan dua hala serta menarik pelabur-pelabur asing, termasuklah dari Amerika Syarikat, serta Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada bulan April baru-baru ini.

Isu-isu lain yang dibincangkan ialah kerjasama memerangi dan membanteras pemerdagangan manusia dan keganasan antarabangsa; bantuan Malaysia kepada Afghanistan; pencalonan Malaysia untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia (*Human Rights Council*); Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (*Trans-Pacific Strategic Economic Partnership - TPP*); perlucutan senjata dan ketakcambahan nuklear, termasuk program nuklear negara Iran.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai hasil lawatan, saya ingin memaklumkan bahawa lawatan kerja YAB Perdana Menteri ke Amerika Syarikat telah banyak mendatangkan faedah kepada negara. Ini termasuklah berjaya meningkatkan kerjasama dalam pelbagai bidang dan juga merapatkan hubungan di antara pemimpin kedua-dua negara.

Dalam perbincangan tersebut, jelas bahawa Kerajaan Amerika Syarikat melihat Malaysia sebagai rakan yang penting dalam usaha untuk meningkatkan hubungan dengan negara-negara ASEAN dan di rantau Asia Tenggara.

Kerajaan AS juga menganggap Malaysia sebagai contoh negara Islam yang moden, progresif dan saling hormat-menghormati hak agama lain.

Presiden Obama telah menyatakan harapan agar Malaysia akan terus memainkan peranan yang penting dalam dunia Islam dan membantu Amerika Syarikat dalam usaha mereka ke arah mendekati dunia Islam. Hasrat ini diterima baik oleh YAB Perdana Menteri dan dalam masa yang sama beliau turut memuji usaha pihak AS untuk merapatkan jurang dengan dunia Islam.

Lawatan YAB Perdana Menteri tersebut telah berjaya menarik minat syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat untuk melabur di Malaysia. Ini dapat dilihat dari pelaburan oleh beberapa syarikat gergasi Amerika Syarikat dalam bidang penyelidikan dan pembuatan berjumlah sebanyak RM 5 billion di Malaysia sepermulaan yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti mana yang telah saya jelaskan tadi, penyertaan YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak ke Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington pada 12-13 April 2010 dan mesyuarat dua hala dengan Presiden Obama pada 12 April 2010 di pinggiran Sidang Kemuncak tersebut di atas undangan Presiden Amerika Syarikat. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri mengambil kesempatan di atas jemputan Presiden Obama

ini untuk melakukan lawatan kerja ke Washington D.C. dan New York pada 10-16 April 2010.

Jemputan Presiden Obama kepada YAB Perdana Menteri merupakan pengiktirafan Amerika Syarikat kepada Malaysia sebagai negara membangun yang dinamik dan berjaya. Sekiranya Malaysia tidak berjaya dan tidak dihormati dalam komuniti global, Presiden Obama tidak akan meluangkan masa untuk mengadakan mesyuarat dua hala dengan YAB Perdana Menteri, malah mungkin Malaysia tidak diundang sama sekali untuk menghadiri Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear di Washington D.C.

Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan bahawa tidak timbul soal Kerajaan Malaysia membayar mana-mana kumpulan lobi atau lain-lain pihak untuk menjayakan pertemuan antara YAB Perdana Menteri dan Presiden Amerika Syarikat.

Sekian Terima kasih

Soalan No : 9

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
PERTANYAAN DEWAN LISAN
DARI PAD A RAKYAT Y.B. TUAN DING KUONG
HUNG (SARIKEI)
TARIKH 22.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN DING KUONG HUNG [SARIKEI] minta Menteri Pelajaran menyatakan penyelesaian dan peruntukan oleh Kementerian bagi sesebuah sekolah yang menghadapi masalah kewangan untuk membina kelas dan dapur untuk wajib mengadakan kelas prasekolah oleh Kementerian pada tahun 2012 nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merancang untuk membuka sebanyak 448 kelas pada tahun 2012 yang melibatkan 425 buah sekolah. Dalam menyediakan kemudahan bagi setiap kelas prasekolah KPM, peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM300.000.00. Peruntukan tersebut adalah untuk menyediakan kemudahan seperti ruang pembelajaran, ruang makan, dapur, bilik air dan ruang permainan luar bilik darjah bagi keperluan 25 orang murid.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MICHAEL JEYAMKUMAR DEVARAJ

TARIKH: 22JUN2010

SOALAN:

Dr. Michael Jeyamkumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilangan kemalangan di tempat kerja yang membawa maut mengikut umur, jantina dan kewarganegaraan pekerja untuk tahun 2007, 2008 dan 2009.

PR-1232-L37259

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut rekod Kementerian Sumber Manusia, bilangan kemalangan di tempat kerja yang membawa maut semenjak tahun 2007 hingga 2009 adalah seramai 3,513 orang bagi pekerja tempatan dan 1,958 orang.

Pecahan kemalangan maut pekerja tempatan mengikut umur yang paling tinggi bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 adalah pekerja yang berumur di antara 20 hingga 29 tahun. Tahun 2007 (294 orang), tahun 2008 (291 orang) dan tahun 2009 (287 orang). Jika mengikut jantina, bagi tempoh berkenaan, seramai 3,195 pekerja lelaki terlibat dalam kemalangan maut berbanding dengan 318 pekerja wanita.

Tuan Yang Di Pertua,

Bilangan kemalangan maut pekerja asing mengikut umur bagi tiga tahun (2007 hingga 2009) melibatkan seramai 1,869 pekerja lelaki, berbanding 89 orang pekerja wanita. Pada keseluruhannya, mereka yang maut berumur dalam lingkungan 20 hingga 29 tahun dan 30 hingga 39 tahun.

Bagi tempoh yang dinyatakan ini, bilangan warganegara asing yang tertinggi terlibat dalam kemalangan maut adalah warganegara Indonesia iaitu (702 orang) dituruti dengan warganegara Nepal (343 orang) dan warganegara Bangladesh (337 orang).

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pada keseluruhannya kemalangan maut banyak berlaku pada sektor pembuatan, pertanian dan perhutanan dan diikuti dengan sektor pembinaan.

SUUT

No: 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARI PADA DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN
[ALOR GAJAH - BN]**

**TARIKH 22 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN NO. 13**

**Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah - BN] minta MENTERI
BELIA DAN SUKAN menyatakan :-**

- (a) statistik dan sebab bagi peningkatan aktiviti jenayah yang membimbangkan di kalangan remaja dan pemuda seperti rompakan dan rogol; dan
- (b) apakah cadangan Kementerian untuk mengurangkan kejadian aktiviti-aktiviti ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan difahamkan bahawa pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tidak menyimpan data statistik belia berumur antara 15 hingga 40 tahun yang terlibat dalam kes-kes jenayah seperti samun dan rogol.
2. Namun begitu, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi mengurangkan keterlibatan belia dalam aktiviti-aktiviti tidak sihat terutama perlakuan jenayah

SULIT

dengan menggunakan pendekatan baru iaitu pembentukan Skuad Muda Rela dan Skuad Sukarelawan Rakan Muda Anti Jenayah (*Crime Awareness Team*) yang diwujudkan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah.

3. Selain itu, Kementerian turut bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dalam pelaksanaan program-program pembangunan belia agar lebih menyeluruh dan bersepaktu; serta

4. Mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan generasi belia menerusi penyertaan dalam persatuan-persatuan belia dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti sukan yang dianjurkan sama ada oleh pihak Kementerian mahu pun persatuan setempat.

PEMBERITAHU
PERTANYAAN
PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT
DARI PAD A Y.B. PUAN TEO NIE CHING
(SERDANG)
TARIKH 22.06.2010

SOALAN:

Y.B. PUAN TEO NIE CHING [SERDANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan status pembinaan 7 buah SJK(C) baru yang diluluskan oleh Kementerian Pelajaran dan status perkembangan 13 buah SJK(C) yang dibenarkan berpindah ke tapak baru oleh Kementerian Pelajaran semasa kempen Pilihanraya 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha meningkatkan pembangunan pendidikan dalam memastikan pembangunan modal insan lebih berkesan tanpa mengamalkan diskriminasi ke atas mana-mana jenis sekolah yang terdapat di dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perpindahan dua buah SJKC telah siap dan beroperasi pada tahun ini iaitu SJKC Tai Hong berpindah dari Kota Tinggi ke Taman Impian Emas Johor Bahru dan SJKC Pai Tze dari Bukit Serampang ke Setia Eco Gardens Johor Bahru. Manakala perpindahan SJKC Bandar Bukit Sentosa, Bukit Beruntung, Selangor; SJKC Pay Fong 1, Crimson, Krubong, Melaka; dan SJKC Kiow Min, Taman Perkasa, Alor Gajah, Melaka telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan isu tanah.

Manakala selebihnya pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masih dalam proses membuat perolehan tanah, penyediaan pelan bangunan; atau mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk kelulusan oleh Pihak berkuasa tempatan.

Rjm 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
 22 Jun 2010 (Selasa)
Tarikh [No. 15]
Soalan

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan apakah sebabnya untuk melarang jual beli buah sawit antara peniaga buah sawit (dealer) dan mereka hanya dibenarkan untuk menjual kepada kilang kelapa sawit sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Prinsip utama pelesenan perniagaan buah kelapa sawit (*Fresh Fruit Bunches* - FFB) adalah untuk memberi perkhidmatan pemasaran kepada hasil FFB, terutamanya daripada pekebun kecil ke kilang buah sawit. Walau bagaimanapun, keadaan perniagaan FFB pada masa kini didapati lebih menjurus kepada urusniaga yang menjadikan FFB sebagai barang komoditi yang diurusniagakan di antara peniaga-peniaga buah sawit yang bermodal kecil sehinggalah kepada peniaga buah sawit yang bermodal besar (*super dealer*). Keadaan ini menyebabkan wujudnya unsur keuntungan berlapis di peringkat peniaga buah sawit.

Prinsip perniagaan FBB sebegini tidak memberi manfaat kepada pembangunan industri sawit terutamanya bagi memastikan pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan. Di samping itu, pergerakan FFB yang kerap bertukar tangan juga boleh menyebabkan kualiti buah sawit merosot berikutan buah sawit mengalami kerosakan akibat *multiple handling* di antara peniaga. Terdapat segelintir *super dealer* yang mencampurkan buah kelapa sawit yang tidak berkualiti (tandan muda) semata-mata untuk mendapatkan insentif kuantiti (*volume incentive*) daripada kilang buah sawit. Tindakan sebegini yang membelakangkan aspek kualiti buah akan menjelaskan visi kerajaan untuk mencapai kadar perahan minyak (OER) sebanyak 25 peratus menjelang tahun 2020. Kadar perahan yang tinggi akan membantu mengurangkan kos pengeluaran minyak sawit. Justeru kilang buah berupaya menawarkan harga yang lebih tinggi kepada pembekal

khususnya pekebun kecil.

SOALAN NO : 16

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI]
TARIKH	22 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	Tuan Mohsin Fadzil bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan adakah sebarang kajian telah dibuat untuk memantau keberkesanan Program Sistem Pawah Ternakan.
JAWAPAN	Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Program Sistem Pawah Ternakan atau kini dikenali sebagai skim Transformasi Usahawan Sektor Ternakan (TRUST) telah dimulakan pada tahun 2005. Skim TRUST merupakan program transformasi untuk membolehkan para penternak memperluaskan aktiviti-aktiviti penternakan ke tahap komersial. Kajian bagi memantau keberkesanan skim TRUST sedang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sejak tahun 2006 untuk menilai pencapaian dan impak kepada industri ternakan ruminan. Di samping itu, penilaian dibuat ke atas pencapaian penternak-penternak yang menerima bantuan ternakan di bawah skim ini.

Kajian untung rugi juga dibuat dengan menganalisis margin kasar ke atas seekor induk dengan membandingkan purata hasil dan purata kos berubah. Hasil daripada kajian tersebut didapati bahawa di dalam bidang usaha ternakan lembu, seekor induk menghasilkan purata nilai output RM1.141.58 setahun dan nilai purata kos berubah adalah sebanyak RM278.42. Nilai margin kasar iaitu perbezaan di antara hasil dan kos berubah adalah RM863.42/induk/tahun. Setelah ditolak kos susut nilai harta modal sebanyak RM51.40 dan kos susut nilai induk RM360.00, margin bersih atau pendapatan bersih adalah sebanyak RM452.02/induk/tahun.

JPV akan terus menjalankan lain-lain kajian penambahbaikan di masa akan datang bagi memastikan kejayaan pelaksanaan skim TRUST dalam membangunkan industri ternakan ruminan dalam negara.

SUUT

Soalan No: 17

PERTANYAAN DARIPADA

JAWAB LISAN

DATO' PADUKA ABU BAKAR BINTAIB

[LANGKAWI - BN]

TARIKH 22 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 17

Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi - BN] minta MENTERI BELIA DAN SUKAN menyatakan

- (a) sejauh manakah pemantauan dibuat terhadap lepasan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN); dan
 - (b) adakah lepasan IKBN memenuhi kehendak pasaran semasa.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Ahli Berhormat, pemantauan ke atas pelatih-pelatih lepasan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dibuat menerusi pengemaskinian rekod setiap pelatih serta melaksanakan kajian dari segi **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT** kebolehan pasaran graduan.
2. Lepasan IKBN sememangnya memenuhi kehendak pasaran kerja semasa. Ini dibuktikan melalui dapatan hasil Kajian kebolehan pasaran graduan yang dibuat pada tahun 2009 ke atas 1,134 orang lepasan IKBN mendapati bahawa, seramai 1,003 orang atau 89% telah mendapat pekerjaan dalam tempoh 1 hingga 4 bulan, 115 orang (10%) dalam tempoh 5 hingga 12 bulan dan 16 orang (1%) dalam tempoh lebih daripada 12 bulan.

SOALAN NO: 18

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	Lisan
Daripada	Y.B. Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]
Tarikh	22 Jun 2010 (Selasa)
Soalan	Y.B. Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
	Kejayaan Program Pembangunan Usahawan Tani, khususnya daripada penyertaan siswazah sebagai usaha sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Pada keseluruhannya Program Pembangunan Usahawan Tani yang turut melibatkan golongan siswazah menjadi teras dalam usaha kementerian bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan rakyat bahkan memacu pertumbuhan ekonomi negara. Namun, kementerian menyedari akan hakikat bahawa penglibatan siswazah dalam sektor pertanian masih lagi rendah. Siswazah masih lagi menganggap bahawa sektor pertanian tidak menjamin pulangan yang lumayan.

Jika dilihat dari segi pola kecenderungan siswazah dalam sektor pertanian, didapati siswazah cenderung melaksanakan projek-projek yang melibatkan aktiviti hiliran seperti industri asas tani (IAT). Sebagai contoh, daripada 13,809 usahawan IAT yang dibangunkan oleh kementerian dari tahun 2006 - Mei 2010, sekurang- kurangnya 8,000 usahawan IAT atau 58 peratus daripadanya adalah di kalangan

belia termasuk siswazah. Tidak dinafikan ada di kalangan mereka yang berjaya memperoleh perolehan tahunan melebihi RM1 juta dan mendapat pengiktirafan antarabangsa seperti HALAL, *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan sebagainya, namun bilangan mereka masih lagi kecil.

Sementara itu, penglibatan belia termasuk siswazah dalam industri huluan pula didapati masih lagi kecil sekitar 20 hingga 25 peratus sahaja. Justeru itu, kementerian sentiasa komited menggalakkan golongan siswazah menceburi sektor pertanian terutamanya dalam industri yang bernilai tinggi seperti industri sarang burung (burung walit), rumpai laut, ikan hiasan dan industri asas tani. Pelbagai insentif dan geran kini disediakan oleh kementerian untuk menarik golongan siswazah untuk menceburi industri-industri ini terutamanya dalam aspek latihan dan pembangunan modal insan; pembangunan produk; peningkatan infrastruktur dan peralatan; serta promosi dan pemasaran.

Tuan Yang Dipertua,

Bermula tahun 2009, kementerian telah menetapkan agar pembangunan usahawan tani di kalangan siswazah sebagai satu program utama di bawah sasaran penunjuk prestasi utama (KPI) Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Pada tahun 2009, seramai 177 siswazah tani berjaya dibangunkan dengan pendapatan sekurang-kurangnya RM2.000 sebulan daripada sasaran awal sebanyak 100 siswazah. Bagi tahun 2010 pula, kementerian mensasarkan untuk membangunkan 200 siswazah tani meliputi kesemua subsektor pertanian dan industri asas tani.

Soalan No: 19

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN

**DARIPADA LISAN YB TUAN HJ AB AZIZ BIN AB KADIR
(KETEREH)**

TARIKH RABU (22.06.10)

SOALAN NO.22

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan apakah Kerajaan bersedia memansuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) kerana gagal memberi khidmat terbaik kepada masyarakat Orang Asli seperti yang disuarakan sendiri masyarakat Orang Asli. Jika tidak, apakah kaedah bagi mengembalikan semula kepercayaan Orang Asli terhadap jabatan ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), memandangkan Jabatan ini masih relevan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat Orang Asli.

Dakwaan atau tanggapan negatif dari sesetengah pihak bahawa JHEOA gagal dalam menunaikan tanggungjawabnya adalah tidak berasas sama sekali. Mengikut penelitian Kementerian, pandangan tersebut hanya diwakili oleh golongan tertentu yang berkepentingan terhadap masyarakat Orang Asli dan ianya hanya melibatkan segelintir masyarakat Orang Asli sahaja.

Berdasarkan sesi perjumpaan, dialog, bengkel, seminar dan persidangan yang diadakan sama ada oleh pihak JHEOA atau pihak NGO's yang mewakili Orang Asli, ternyata masyarakat Orang Asli mahu JHEOA dikekalkan malah dimantapkan lagi sebagai agensi terunggul dalam memberi perlindungan, kebajikan, pembangunan dan kesejahteraan kepada masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada hakikatnya pembangunan masyarakat Orang Asli telah dipertanggungjawabkan oleh pihak kerajaan kepada sebuah agensi kerajaan iaitu JHEOA sejak pembukaannya pada tahun 1954 seperimana termaktub dalam Akta Orang Asli (Akta 134).

Sehubungan itu, pihak JHEOA telah menyusun dan merangka serta melaksanakan pelbagai dasar, program dan aktiviti bagi membangunkan dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli mengikut peredaran zaman dan keperluan semasa.

Bagi memastikan pembangunan masyarakat Orang Asli dibuat secara komprehensif dan terancang, pihak kerajaan menerusi JHEOA telah menyusun pelbagai pendekatan dan pelaksanaan program pembangunan melibatkan penyertaan masyarakat Orang Asli dibuat melalui kaedah *top-bottom* dan *bottom-up*.

Penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKMOA) sejak tahun 2001 telah membuktikan kerajaan tidak pernah meminggirkan

pewakilan masyarakat Orang Asli membuat proses keputusan. MPKMOA ini berperanan menilai, menganalisa dan menasihati pihak kerajaan dalam semua program dan aktiviti yang dijalankan. Pewakilan masyarakat Orang Asli seramai enam (6) orang iaitu Batin, Cendiakawan Orang Asli, Orang Asli Berjaya dan NGO's Orang Asli telah dilantik sebagai ahli MPKMOA.

Selain daripada itu, penyertaan masyarakat Orang Asli turut dilibatkan dalam proses pemantauan projek- projek pembangunan kerajaan melalui penubuhan sebuah jawatankuasa khas *Focus Group* Orang Asli. *Focus Group* ini berfungsi merancang, mengenal pasti dan menilai keberkesanan dan impak projek kepada Orang Asli. Seramai lima (5) Orang Asli telah dilantik sebagai wakil masyarakat Orang Asli yang meliputi 5 focus group iaitu prasarana, kesihatan, ekonomi, pendidikan serta warisan tradisi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai program memperkasakan masyarakat Orang Asli telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini termasuklah program seperti kursus dan latihan kepada pemimpin masyarakat Orang Asli, Ibu bapa, Belia dan beliawanis, pelajar dan usahawan Orang Asli.

Disamping itu juga, aktiviti-aktiviti turun padang untuk bersama-sama dengan masyarakat Orang Asli juga diperhebatkan dan diperluaskan konsepnya. Aktiviti-aktiviti seperti Kem Kesihatan, Program Mesra Minda, Khidmat Bakti/Gotong-royong di perkampungan Orang Asli telah dilaksanakan secara terancang dan berterusan setiap tahun.

Sungguhpun begitu, Kementerian sentiasa terbuka dalam memberi ruang kepada pihak NGO's serta pemimpin masyarakat Orang Asli untuk menyuarakan pandangan, kehendak dan perasaan mereka berhubung dengan dasar-dasar yang dijalankan oleh pihak kerajaan melalui forum, seminar atau persidangan yang dianjurkan.

NO. SOALAN: ^6

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEDUA
BELAS (2010)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM BANDAR
BARU)**

TARIKH : 22 JUN 2010

SOALAN

**Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :**

- (a) apakah langkah dan tindakan yang diambil untuk membantu golongan buta untuk mempelajari Al-Quran secara lebih tersusun dan komprehensif; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang mencetak dan menerbitkan Al-Quran braille untuk kegunaan golongan tersebut dan apakah insentif dan galakan yang diberikan untuk menambah dan mempertingkatkan keupayaan golongan buta untuk mempelajari dan sebolehnya menghafaz Al- Quran.

JAWAPAN : { Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL
KHIR BIN HJ. BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

menyediakan, program yang tersusun dan komprehensif untuk golongan Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) dengan mewujudkan Program Persijilan Tahfiz Al-Quran. Program yang mengambil masa 6 bulan pengajian ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Darul Quran, JAKIM dan ia merupakan Program Pra Diploma. Setakat ini 18 orang telah menamatkan pengajian, 8 orang daripadanya telah ditawarkan ke Program Diploma Tahfiz Al-Quran. Diharapkan program ini dapat melahirkan pendakwah dan guru Al-Quran yang mampu menyebar luas ilmu Al-Quran kepada masyarakat Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan

- (b) Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mencetak Al-Quran Braille dan telah mengagihkan kepada golongan Orang Kurang Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) melalui persatuan kebajikan mereka. Berkaitan insentif dan galakan kepada penghafaz Al-Quran termasuk golongan OKU ini. Setakat ini kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam telah menyediakan insentif kepada mereka setelah pengujian dijalankan. Selain itu, Kerajaan juga masih lagi dalam proses untuk membuat kajian tentang kewajaran pihak kerajaan menyediakan insentif dan skim galakan kepada penghafaz Al-Quran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU

PERTANYAAN

PERTANYAAN DEWAN LISAN

DARIPADA RAKYAT Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L
PANCHANATHAN
(HULU SELANGOR)

TARIKH 22.06.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]
minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada selain daripada sumbangan lebih
daripada RM100 juta untuk memantapkan infrastruktur sekolah-sekolah Tamil di
Malaysia, adakah bantuan tambahan akan disalurkan kepada pembangunan
kemahiran insaniah (soft skills) yang penting dalam memastikan pelajar-pelajar
sekolah Tamil mendapat pendidikan yang berkualiti dan sejajar dengan falsafah
pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka dengan usaha untuk
membantu anak-anak masyarakat India yang bersekolah di SJKT agar berdaya
saing dan cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam
pembangunan modal insan. Antara bantuan yang diberikan ialah Program Skim
Bantuan Tuisyen, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) dan Skim
Pinjaman Buku Teks.

Selain daripada itu, terdapat juga guru-guru di SJKT yang mengikuti Kursus
Dalam Perkhidmatan (KDP) yang dikelolakan oleh KPM demi memantapkan dan

meningkatkan tahap profesionalisme guru terutamanya untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang lebih berkesan dalam bilik darjah. Ini dapat menarik minat murid agar pengajaran dan pembelajaran lebih berfokus dan dapat menghasilkan murid di SJKT yang berdaya saing.

Banyak program-program akademik yang membabitkan murid-murid dari semua sekolah telah dilaksanakan di peringkat Jabatan Pelajaran Negeri dan di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah. Program-program ini telah membantu meningkatkan prestasi akademik dan juga pembangunan modal insan di kalangan murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil .

NO. SOALAN : 22

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

PUAN CHONG ENG [Bukit Mertajam]

TARIKH

22 Jun 2010 (SELASA)

SOALAN PUAN CHONG ENG [Bukit Mertajam]
minta PERDANA MENTERI menyatakan 10 jabatan Kerajaan yang menerima paling banyak aduan tentang perkhidmatan mereka dan jumlah aduan yang diterima sejak 2008.

JAWAPAN : (YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Kerajaan menganggap bahawa rakyat kita, sebagai pelanggan kepada kerajaan, berhak untuk mengemukakan aduan terhadap sebarang perkhidmatan yang diberi dan kemudahan yang disediakan oleh mana-mana agensi kerajaan sekiranya didapati ianya adalah silap, kurang cekap, adil, sesuai atau memuaskan.

Oleh itu, Biro Pengaduan Awam (BPA) diwujudkan untuk memudahkan proses menerima dan menyelesaikan aduan daripada orang awam. Setakat ini, BPA telah dan sedang berikhtiar untuk merapatkan perhubungan di antara Kerajaan dengan orang ramai yang menghadapi masalah dan ingin mengadu melalui pelbagai saluran seperti laman web, program pro-aktif, perjumpaan/ bersemuka dan surat menyurat untuk mengemukakan pertanyaan, cadangan, maklum balas, kritikan atau tuntutan mengenai masalah-masalah yang mereka hadapi berhubung dengan perkhidmatan awam dan kemudahan.

Biasanya, Biro Pengaduan Awam (BPA) menerima aduan daripada pengadu yang tidak dapat menyelesaikan masalah mereka secara langsung dengan jabatan atau agensi kerajaan yang berkenaan. Di samping itu, terdapat juga kes-kes yang melibatkan lebih daripada satu (1) jabatan atau agensi yang memerlukan penyelarasan, tetapi tidak diselaraskan dengan baiknya. Oleh itu, BPA bukan sahaja merujuk kes kepada agensi-agensi untuk diselesaikan, tetapi kadang-kala mengadakan perundingan dan penyelarasan di antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan pengaduan, jumlah aduan yang diterima oleh BPA telah meningkat dari 8,066 kes pada tahun 2008 ke 12,683 kes pada tahun 2009, iaitu sebanyak 4,617 kes atau 57.2%. Jumlah aduan bagi empat (4) bulan pertama, iaitu sehingga 30 April, bagi tahun 2010 adalah 4,378 kes.

Bagi tahun 2008, 5,609 kes atau 69.5% merupakan aduan terhadap kementerian-kementerian dan agensi-agensi persekutuan, manakala 2,457 adalah terhadap kerajaan-kerajaan negeri dan agensi-agensinya. Angka untuk tahun 2009 ialah 8,694 (68.5%) dan 3,989 (31.5%) masing-masing yang mencerminkan corak

peratusan yang hampir sama. Angka untuk 4 bulan pertama tahun 2010 ialah 2,844 (65.0%) dan 1,534 (35.0%) masing-masing.

Bgai tahun 2009, sepuluh jabatan atau agensi kerajaan persekutuan yang menerima paling banyak aduan ("Senarai 10"), adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pelajaran Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia Berhad. Jumlah aduan yang diterima oleh 10 buah jabatan/agensi ini adalah 3553 kes, atau 41% daripada sejumlah 8,694 kes.

Sepuluh (10) buah jabatan atau agensi tersebut juga merupakan yang menerima paling banyak aduan bagi empat (4) bulan pertama bagi tahun 2010, iaitu 1250 kes atau 44% daripada sejumlah 2,844 kes.

Pada tahun 2009, Hospital, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Telekom Malaysia Berhad telah mengantikan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia, Bahagian Penguatuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang dalam "Senarai 10" bagi tahun 2008. Tujuh (7) jabatan/ agensi yang lain dari senarai tahun 2008 kekal dalam "Senarai 10" tahun 2009. Jumlah aduan bagi "Senarai 10" bagi tahun 2008 ialah 2195 kes, atau 39% daripada 5,609 kes.

Pada amnya, mana-mana agensi yang berurusan secara langsung dengan ramai rakyat lebih berpotensi menerima aduan yang lebih banyak berbanding dengan agensi-agensi lain yang skop tanggungjawabnya lebih terhad, iaitu menjurus kepada aspek pentadbiran, penerangan, pengurusan kewangan dan sebagainya. Dalam konteks ini, Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan agensi Kerajaan yang menerima aduan tertinggi berbanding agensi-agensi yang lain.

Walau bagaimanapun, apa yang penting ialah peningkatan keberkesanan dan kecekapan dalam penyelesaian aduan. Sememangnya, bagi kebanyakan jabatan, prestasi penyelesaian aduan telah menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Senario ini menunjukkan jabatan/ agensi telah memberi komitmen dan kesungguhan yang tinggi untuk menyelesaikan aduan-aduan yang diterima. Prestasi ini adalah selaras dengan komitmen dalam gagasan 1 Malaysia, iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIRADA
SOALAN

JAWAB LISAN

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam]

22 JUN 2010 (SELASA)

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan peranan Lembaga Pertubuhan Peladang dan FAMA dalam memajukan dan memasarkan hasil-hasil pertanian di kawasan Parlimen Silam.

JAWAPAN
ASAS TANI

Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mempunyai peranan tersendiri dalam membangunkan sektor pertanian dan saling memberi sokongan padu selaras dengan semangat MOA Inc.

Secara amnya, LPP adalah berperanan dalam menggerakkan peladang untuk menceburi bidang pertanian dan mengukuhkan institusi peladang sementara FAMA menyelaraskan aktiviti pemasaran pertanian dan memperbaiki serta memajukan sistem pemasaran hasil pertanian negara.

Di Kawasan Parlimen Silam, terdapat dua buah Pertubuhan Peladang iaitu di Kunak dan Lahad Datu. Pertubuhan Peladang ini berperanan dalam aktiviti berikut:

- i. memberikan khidmat nasihat berkaitan program penanaman kelapa sawit;
- ii. menyediakan kemudahan pusat timbang dan pengangkutan buah kelapa sawit ke kilang;
- iii. memberi kemudahan jualan terus daripada ahli ke kilang; dan
- iv. mengadakan kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia

(MPOB)
bagi meningkatkan pengeluaran hasil sawit ahli-ahli.

Bantuan-bantuan lain yang disediakan adalah:

- i. menyediakan program khidmat skim pemilikan jentera kecil;
- ii. menyediakan bekalan input pertanian;
- iii. menyediakan skim kredit bagi membiayai projek pertanian;
- iv. membekalkan benih agar-agar laut kepada usahawan dan ahli;
- v. membantu memasarkan produk sos cili keluaran ahli;
- vi. membekalkan kambing induk (jamnapari); dan
- vii. membekalkan mesin pemprosesan pelepas sawit untuk dijadikan makanan ternakan kepada ahli dengan kerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

FAMA pula memberikan perkhidmatan di Daerah Lahad Datu, Daerah Kecil Tungku dan Daerah Kunak. Aktiviti-aktiviti untuk memasarkan hasil pertanian yang dijalankan adalah:

- i. memasarkan kelapa di Daerah Kecil Tungku;
- ii. membuka dua buah Pasar Tani di Lahad Datu dan Felda Sahabat;
- iii. mengenalpasti dan mendaftarkan pengusaha Industri Asas Tani (IAT) bagi tujuan promosi produk IAT yang berpotensi;
- iv. menjalankan siri kursus pengendalian lepas tuai bagi menyokong Program Ladang Kontrak;
- v. Menyediakan perkhidmatan Gerai Buah-Buahan Dan Sayur (GBBS); dan
- vi. membekalkan maklumat berkaitan pemasaran hasil-hasil Pertanian.

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B DATUK CHUA SOON BUI

TARIKH: 22JUN2010

SOALAN:

Y.B. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :-

- (a) apakah rasionalnya Kementerian mengenakan upahan minimum RM1,000 bagi pegawai keselamatan swasta manakala tiada keputusan yang telah diambil tentang upahan minimum yang lama ditunggu-tunggu bagi pekerja am di Malaysia; dan
- (b) apakah rancangan Kementerian untuk mencapai matlamat “Negara Berpendapatan Tinggi”

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

a) Seperti yang kita sedia maklum, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah pun mengumumkan gaji pokok minimum bagi pengawal keselamatan di antara RM500- RM700 mengikut kawasan. Penetapan gaji pokok ini adalah berdasarkan kajian yang dibuat oleh Majlis Penetapan Gaji (MPG) sejak tahun 2006 dengan mengambil kira kos sara hidup semasa.

Bagi makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hakikatnya, pengawal keselamatan juga dibayar elaun-elaun tertentu oleh majikan mereka seperti elaun kedatangan, elaun senjata api, elaun *post*, elaun kecekapan, elaun perjalanan dan elaun dobi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, beberapa MPG telah ditubuhkan untuk menjalankan kajian bagi sektor-sektor yang mudah terjejas (*vulnerable*) bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja di Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan Majlis Penetapan Gaji bagi pekerja am di Malaysia kerana pekerja am terdiri daripada pelbagai jenis jawatan dan kajian terperinci perlu dilakukan.

Tuan Yang Di Pertua,

- b) Mewujudkan negara yang berpendapatan tinggi bermakna upah pekerja meningkat bagi semua sektor ekonomi sejajar dengan peningkatan produktiviti yang berlandaskan penggunaan kemahiran dan inovasi, koordinasi yang kukuh serta pematuhan piawaian antarabangsa dan hak harta intelektual.

Sejajar dengan matlamat “Negara Berpendapatan Tinggi” Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menggariskan perancangan pembangunan modal insan negara dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Antaranya adalah melalui cadangan Kerajaan untuk mengarus perdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional sebagai landasan alternatif bagi para pelajar memasuki pasaran pekerjaan di mana Jabatan Pembanunan Kemahiran, KSM adalah merupakan agensi tunggal dalam pembangunan dan pengesahan kualiti kurikulum pendidikan teknikal dan latihan vokasional berkenaan. Sijil Kemahiran Malaysia akan dijadikan persijilan kebangsaan yang diiktiraf dalam perkhidmatan awam dan institusi pengajian tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung dengan tenaga kerja pula, Kerajaan perlu meningkatkan komposisi pekerja berkemahiran tinggi daripada 23% kepada sekurang-kurangnya 37% untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Dengan itu, penglibatan sektor swasta dalam melatih pekerja berkemahiran tinggi akan dilakukan melalui langkah-langkah yang dipertanggungjawabkan kepada KSM sepenuhnya iaitu seperti berikut:

- i) Memperluaskan peluang latihan dan latihan semula melalui program khas Tabung Pembagunan Sumber Manusia (PSMB);
- ii) Menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk pinjaman kepada pekerja yang mengikuti latihan bagi peningkatan kelayakan melalui Perbadanan Tabung Pembagunan Kemahiran (PTPK);
- iii) Memperluaskan pelaksanaan program Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) yang melibatkan latihan 70% latihan secara *hands-on* ditempat kerja dan 30% di institusi latihan. SLDN yang dahulunya disediakan kepada pekerja dan lepasan Sijil Pelajaran Malaysia sahaja, kini akan merangkumi pelajar yang tidak tamat 11 tahun persekolahan.
- iv) Mempergiat pelaksanaan pengitirafan pencapaian terdahulu, iaitu menganugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia kepada 60,000 pekerja setahun dengan mengiktiraf pengetahuan, pengalaman dan kemahiran pekerja yang diperolehi di tempat kerja.
- v) Mengalakkan sektor swasta dalam menyediakan latihan kemahiran dan vokasional.

Tuan Yang Di Pertua,

Perancangan yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada program jangka-panjang Model Baru Ekonomi yang akan disepakukan dalam RMK-10. Adalah diharapkan pelaksanaan perancangan ini akan mentransformasi ekonomi Malaysia

kepada matlamat Negara Berpendapatan Tinggi.

SOALAN NO: 25

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

: Lisan
PERTANYAAN DARIPADA Dato' Shamsul Anuar B. Nasarah
[Lenggong]

TARIKH 22 Jun 2010
SOALAN Dato' Shamsul Anuar B. Nasarah
[Lenggong] minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- a. usaha dan perancangan Kementerian bagi menjadikan bidang pertanian sebagai pilihan utama; dan
- b. bagaimana sambutan di kalangan siswazah atau generasi muda dalam bidang ini dan apakah bentuk program dan peratus serta peruntukan Kementerian digunakan bagi membangunkan usahawan belia dalam bidang pertanian

JAWAPAN
Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Di antara usaha dan perancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bagi menjadikan bidang pertanian sebagai pilihan utama adalah melalui hebahan media,

pameran dan taklimat. Jabatan dan Agensi juga menganjurkan kursus- kursus dan khidmat nasihat secara langsung dalam aspek keusahawanan dan pengurusan projek bagi memastikan mereka benar-benar menjadi golongan usahawan tani yang berjaya. Di antara program yang dijalankan adalah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLPK), Kursus Siswazah Tani dan Usahawan, Latihan Usahawan Pemprosesan Makanan, Latihan Inkubator Usahawan Belia Tani dan kerjasama bersama Kementerian Pengajian Tinggi melalui Program 1 IPTA dan 1 Mentor.

Promosi serta kempen yang diadakan oleh pihak Kementerian menjadi pemangkin dalam menarik keyakinan graduan untuk menceburi bidang agro makanan. Penganjuran Mini MAHA di seluruh negara serta penglibatan MOA bersama Kementerian lain dalam menjayakan pameran terbesar seperti *Malaysia International Food and Beverages Trade Fair* (MIFB), *Malaysia Halal International Showcase* (MIHAS), Seminar Usahawan Tani dan Karnival kerjaya adalah antara usaha yang dilakukan untuk membolehkan para graduan meninjau peluang dan potensi yang ditawarkan.

Hebahan melalui media cetak dan media elektronik telah membuka mata graduan tentang sektor agro makanan sebagai sektor yang berpotensi untuk diceburi. Penyebaran maklumat melalui *internet* juga membuka peluang para graduan mendapatkan maklumat terkini dan teknologi yang diguna pakai dalam memajukan sektor agro makanan. Kemudahan laman web Kementerian dan Pusat Pembangunan Perniagaan Tani (*Business Development Centre*) di MOA menjadi pusat rujukan setempat kepada para graduan untuk mendapat informasi umum, khidmat nasihat serta mengetahui kemudahan insentif dan pembiayaan yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

(b) Mengenai sambutan di kalangan siswazah dalam bidang ini, Kementerian serta Jabatan dan Agensi telah mengadakan pelbagai bentuk program untuk membangunkan usahawan di kalangan belia atau generasi muda. Di antara program latihan untuk golongan siswazah dan belia yang telah dianjurkan adalah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di mana peruntukan bagi tahun 2009 bagi program ini adalah RM8.1 juta dengan bilangan pelatih seramai 728 orang, Program Beliatani ke Jepun di mana belia yang telah berjaya menamatkan program ini bagi tempoh tahun 1985 hingga 2009 adalah seramai 273 orang dengan peruntukan bagi program ini adalah sebanyak RM50.000 pada tahun 2010, Program Pembangunan Nakhoda di mana pada tahun 2009 sebanyak 70 orang pelatih dari program ini telah berjaya dilahirkan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.4 juta.

Sepanjang tahun 2009, *Business Development Centre* (BDC) MOA telah menyertai dalam 32 buah pameran berbanding sebanyak 10 buah pameran dan ekspos yang disertai dalam tahun 2008. BDC telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta bagi aktiviti promosi di dalam pameran dan ekspos. Daripada peruntukan tersebut perbelanjaan di dalam 32 pameran dan ekspos yang telah disertai adalah sebanyak RM1.8 juta atau 88.36%.

Selain terlibat di dalam aktiviti promosi melalui pameran dan ekspos di dalam negeri, MOA turut mendekati golongan sasar melalui siri ceramah dan taklimat. Penglibatan BDC adalah berdasarkan kepada jemputan oleh pihak luar terutamanya Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Institusi Pengajian Tinggi seperti UiTM dan badan bukan Kerajaan. BDC telah mengadakan taklimat sebanyak 9 kali dalam tahun 2009.

Agro Bank ada menyediakan skim pembiayaan yang dinamakan Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah (SUTKS) yang antara objektifnya mengurangkan kadar pengangguran di kalangan siswazah dan mewujudkan siswazah tani komersil. Peruntukan sebanyak RM100 juta telah disediakan di bawah RMke-9 dengan 100% telah diluluskan permohonan.

SUUT

No: 26

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN GWO-BURNE LOH
[KELANA JAYA - PKR]

TARIKH 22 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya - PKR) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan faktor kegagalan Malaysia yang kecundang di Piala Thomas dan ulasan mengenai ulasan isteri Perdana Menteri bahawa pasukan Malaysia tidak cukup bersedia.

JAWAPAN

Kegagalan skuad Piala Thomas negara baru-baru ini (9 hingga 16 Mei 2010) sememangnya telah mengecewakan rakyat Malaysia keseluruhannya. Namun begitu, kesungguhan dan semangat yang ditunjukkan oleh semua pemain harus diberi pujian. Kita terpaksa akur

dengan Pasukan Negara China dengan barisan pemain yang mantap seperti Lin Dan yang menewaskan Lee Chong Wei, merupakan pemenang pingat emas Sukan Olimpik Beijing 2008 serta telah memenangi 3 kejuaraan Dunia dan 4 kejuaraan All England. Begitu juga pasangan beregu mereka Cai Yun & Fu Hai Feng yang memiliki 2 kejuaraan dunia serta 2 kejuaraan All England berbanding beregu Negara Koo Kien Keat & Tan Boon Heong yang hanya memiliki satu kejuaraan All

SULIT

England manakala Chen Jin yang menjuarai All England 2008 berada di ranking ke-3 dunia mudah menundukkan Wong Choong Hann yang berada di ranking ke-15 dunia.

NO. AUM : 1

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [GUA MUSANG]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2732

SOALAN

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah pekerja asing tanpa izin yang berjaya dikesan mengikut spesifikasi bidang pekerjaan dan apakah penyelesaian berhubung tenaga pembantu rumah dari Indonesia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Gua Musang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai satu data yang tepat berkenaan bilangan Pekerja Asing Tanpa Izin yang bekerja di Malaysia. Ini adalah kerana kebenaran untuk mereka masuk dan bekerja di negara ini tidak diperoleh daripada mana-mana agensi. Walaubagaimanapun, Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa melaksanakan operasi membanteras PATI dan menangkap pesalah-pesalah yang melanggar Akta dan Peraturan Imigresen. Sebagai contoh, daripada Januari hingga Disember 2009 sebanyak 7,099 operasi telah dijalankan dengan tangkapan seramai 47,310 orang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memikirkan jalan penyelesaian terbaik berhubung dengan isu tenaga pembantu rumah asing dari Indonesia. Terbaru, Kerajaan telah bersetuju agar majikan diwajibkan memberi cuti rehat sehari seminggu dan membenarkan pasport dipegang oleh pembantu rumah asing (PRA) warga Indonesia. Persetujuan ini adalah sebahagian dari kandungan Dokumen Surat Niat (*Letter of Intent*) yang ditandatangani sewaktu lawatan Presiden Republik Indonesia pada 18 hingga 19 Mei 2010 ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian juga telah mewujudkan

Jawatankuasa Bersama Malaysia dan Indonesia mengenai Tenaga Kerja Indonesia sebagai platform untuk membincangkan isu, masalah dan penyelesaian berkaitan dengan PRA Indonesia. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) mesyuarat telah diadakan dan berjaya menyelesaikan sebanyak 314 kes yang melibatkan PRA Indonesia.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22JUN2010(SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUANSIMTONGHIM
(KOTA MELAKA)

SOALAN

Y.B. TUAN SIM TONG HIM (KOTA MELAKA) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan

- (a) status majlis perbandaran dan majlis daerah dan sebab-sebab yang menghalang kedua-dua majlis ini hanya boleh diwujudkan melalui pelantikan dan bukan melalui satu pilihan raya umum; dan
- (b) semua kelebihan dan manfaat dan juga keburukan dan kerugian dengan sistem pelantikan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semasa Pilihanraya peringkat Kerajaan Tempatan pertama kali diperkenalkan di Tanah Melayu oleh British pada tahun 1857, sambutan yang diberikan tidak begitu menggalakkan, kerana tidak ramai yang dapat mematuhi syarat kelayakan dan syarat-syarat seorang calon dan pengundi pada masa itu. Pilihanraya Kerajaan Tempatan yang diadakan pertama kali tersebut adalah bagi memilih 3 daripada 5 Ahli Majlis Perbandaran Georgetown, Kota Melaka, Singapura dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Sistem pemilihan bagi kerusi Ahli Majlis yang dilaksanakan sejak 1857 telah dimansuhkan apabila British memperkenalkan sistem pelantikan sepenuhnya melalui pengenalan Ordinan Perbandaran 1913. Selain itu, pergolakan politik di Tanah Melayu khususnya selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948, British berpandangan bahawa kemasukan pendatang yang semakin meningkat pada tahun tersebut menyebabkan proses

Pilihanraya Kerajaan Tempatan tidak sesuai diadakan.

Untuk makluman Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dengan jelas menyatakan bahawa semua peruntukan berhubungan dengan Pilihanraya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa atau mempunyai kesan. Undang-undang Kerajaan Tempatan di Sabah dan Sarawak pula tidak mempunyai peruntukan tentang Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Atas sebab-sebab keselamatan yang berpunca daripada konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, Kerajaan telah mengisytiharkan darurat pada 3 September 1964 dan seterusnya menghentikan Pilihan raya Kerajaan Tempatan melalui Akta Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu)(Peraturan-Peraturan Darurat (Menggantung Pilihan Raya Kerajaan Tempatan) 1965.

Kerajaan menyedari bahwasanya terdapat pelbagai pihak yang masih lagi membangkitkan tentang perlunya diwujudkan semula Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 6 April 2005 telah memutuskan supaya tiada pilihanraya diadakan

untuk memilih Ahli Majlis PBT.

Kerajaan berpendapat Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak perlu diadakan kerana boleh menjasikan tumpuan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) selaku agensi barisan hadapan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Di samping itu, terdapat juga kemungkinan wujudnya unsur-unsur kurang sihat oleh pihak-pihak tertentu yang berteraskan kepentingan politik masing-masing.

Pilihanraya Kerajaan Tempatan bukanlah faktor yang menentukan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan PBT. Kecekapan PBT adalah berdasarkan gabungan pelbagai faktor seperti kepimpinan yang dinamik, tenaga kerja yang mahir dan terlatih, proses dan prosedur kerja yang cepat dan mudah, perancangan bandar yang mapan, keseragaman undang-undang dan peraturan, pengurusan sumber hasil dan kewangan yang cekap, pelaksanaan projek pembangunan yang berkesan dan sebagainya. Pilihanraya umum ke-12 bagi 222 kawasan Parlimen di seluruh Malaysia telah melibatkan

kos sebanyak RM 142,317,172.00 (*SERATUS EMPAT PULUH*

*DUA JUTA TIGA RATUS TUJUH BELAS RIBU SERATUS
TUJUH PULUH DUA) dan dijangka kos untuk menganjurkan
pilihanraya kerajaan tempatan akan melibatkan kos yang
hampir sama dengan suatu pilihanraya umum.*

Pihak Kerajaan Negeri mempunyai bidang kuasa melalui Akta 171 untuk melantik sesiapa sahaja sebagai Ahli Majlis mengikut Seksyen 10 akta tersebut. Selain itu, Seksyen 10 *Local Government Ordinance 1961 (Sabah No. 11 of 1991)* dan Seksyen 13 *Local Authorities Ordinance 1996 (Chapter 20)* memperuntukkan perkara yang sama di Sabah dan Sarawak. Peruntukan-peruntukan ini sebenarnya memberi kelebihan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) tanpa perlu diadakan pilihanraya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

SOALAN NO:

29 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TAN AH HENG [GELANG PATAH]

TARIKH : 22 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN :

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) jumlah lesen teksi yang telah diluluskan oleh Kementerian pada tahun 2009; dan

- (b) punca-punca menyebabkan kegagalan untuk memohon lesen teksi.

JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah meluluskan sebanyak 3,884 lesen taxi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,050 (79%) lesen diluluskan untuk perkhidmatan bajet manakala sebanyak 834 (21%) lesen untuk perkhidmatan eksekutif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca-punca utama kegagalan untuk memohon lesen taxi kerana pemohon tidak memenuhi syarat-syarat permohonan yang ditetapkan oleh LPKP. Bagi permohonan milikan tunggal atau enterpris syarat-syarat permohonan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak lebih 60 tahun pada tarikh memohon;
- iii) Memiliki lesen memandu;
- iv) Mempunyai pengalaman memandu taxi lima (5) tahun dan ke atas;

SOALAN NO: 29

- v) Mendapat sokongan daripada pemimpin tempatan / syarikat / koperasi teksi pemandu bekerja; dan
- vi) Bebas daripada kesalahan jenayah dan tiada tunggakan saman laiu lintas.

Manakala bagi permohonan daripada syarikat sendirian berhad, berhad dan koperasi berhad, syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Mempunyai modal berbayar tidak kurang daripada RM100,000.00;
- iii) Mengemukakan maklumat syarikat / perniagaan yang terkini dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) beserta dengan Borang 24 dan Borang 49 atau Sijil Pendaftaran atau Pertubuhan atau Koperasi;

SOALAN NO: 29

- iv) Mengemukakan salinan Memorandum Articles and Associations (MAA);

SOALAN NO: 29

- v) Bukti modal (penyata bank bagi 3 bulan terakhir akaun, simpanan bank atau lain-lain kemudahan pinjaman dari bank, nilai tanah dan premis/ rumah);
- vi) Bukti pembayaran cukai pendapatan / zakat yang terkini;
- vii) Penyata Kewangan teraudit terkini; dan
- viii) Bebas daripada kesalahan jenayah dan tiada tunggakan saman lalu lintas.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 JUN 2010 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI

KAMARUDDIN

SOALAN (30)

(AMPANG)

SOALAN

Y.B. PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN (AMPANG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengurangkan waktu operasi kedai pasar raya dari pukul 10.30 malam ke 9.30 malam dan juga menarik balik hak operasi kedai 24 jam.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini tiada sebarang peraturan khusus yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian berhubung had waktu perniagaan. Ini kerana had waktu perniagaan untuk setiap jenis aktiviti perniagaan boleh ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) selaku pihak yang mengeluarkan lesen perniagaan berdasarkan peruntukan Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing. Oleh kerana itu kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan waktu operasi pasaraya.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jun 2010

No: 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)
PERTANYAAN LISAN
 22.06.2010
TARIKH SOALAN NO 31

Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyalurkan keuntungan Petronas kepada sebuah Dana Milik Negara atau) "Sovereign Wealth Fund' yang membuat pelaburan global dengan pulangan jangka panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak penubuhannya sehingga tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009, PETRONAS telah mencatat keuntungan sebelum cukai, royalti, duti eksport dan dividen kepada Kerajaan berjumlah RM780.8 bilion. Daripada jumlah ini, PETRONAS telah membelanjakan sebanyak 60.4% atau RM471.3 bilion dalam bentuk cukai, royalti, duti eksport dan dividen kepada Kerajaan.

2. Pendapatan yang diperolehi dari PETRONAS ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan digunakan untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kerajaan. Sehingga kini Kerajaan tidak pernah dan tidak bercadang untuk menyalurkan keuntungan PETRONAS kepada mana-mana Dana Milik Negara ataupun entiti sedemikian.

NO. AUM : 5

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM

[KUALA KEDAH]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2735

SOALAN

Tuan Haji Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dasar Kerajaan dalam memberikan hak kepada PATI [Pendatang Tanpa Izin] untuk memiliki perniagaan sendiri, serta apakah penguasaan mereka dalam sektor swasta dikawal dan diselia

oleh pihak Kementerian.

Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Kuala Kedah yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Kerajaan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah jelas, iaitu tidak pernah mengiktiraf apa-apa hak termasuklah kebenaran untuk memiliki perniagaan sendiri, apatah lagi untuk bergiat di dalam sektor swasta. Ini kerana mana-mana warganegara asing yang ingin berada di Malaysia bagi apa-apa tujuan, mestilah mempunyai dokumen perjalanan yang sah serta memperoleh pas yang berkaitan dari Jabatan Imigresen Malaysia. Kegagalan untuk mempunyai kedua-dua perkara ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah Akta Passport 1966 dan Akta Imigresen 1959/63 yang membolehkan mereka ditangkap dan dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa.

No: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	Bagi Jawab Lisan
DARIPADA	Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]
TARIKH	22 JUN 2010 (Selasa)
SOALAN	33
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI	PENGANGKUTAN menyatakan tahap kemajuan projek menaik taraf perkhidmatan kereta api negeri Sabah dari Tanjung Aru ke Beaufort.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Kerja-Kerja Jangka Pendek Pemodenan Keretapi Negeri Sabah Dari Tanjung Aru Ke Tenom terbahagi kepada dua sektor, iaitu:

- i. Sektor 1: daripada Tanjung Aru hingga Kimanis (jarak landasan sepanjang 51.7km) dengan kos kontrak asal sebanyak RM133.8 juta; dan
 - ii. Sektor 2: daripada Kimanis hingga Tenom (jarak landasan sepanjang 84.1km) dengan kos kontrak asal sebanyak RM201 juta.

Sehingga 15 Mei 2010, status kemajuan kerja di Sektor 1 telah mencapai 93.4% (sebenar) berbanding 100% (jadual) iaitu lewat sebanyak 6.6%. Bagi Sektor 2 pula, ialah 88.1% (sebenar) berbanding 100% (jadual) iaitu lewat sebanyak 11.9%.

Status kerja-kerja pembinaan sehingga 15 Mei 2010 adalah seperti berikut:

- i) Di Sektor 1, landasan dari Tanjung Aru ke Kimanis masih belum dapat digunakan kerana terdapat isu kualiti kerja landasan kurang memuaskan yang menjaskan keselamatan landasan. Stesen Papar dan Kimanis telah siap dibina oleh kontraktor dan diserahkan kepada Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) pada 27 Mei 2009, manakala 3 lagi stesen iaitu stesen Putatan, Kinarut dan Kawang masih terdapat masalah kecacatan. Sehubungan itu, kontraktor telah diarah untuk membaiki kecacatan sebelum ia dapat diserahkan kepada JKNS.

- ii) Di Sektor 2, pembinaan di kawasan *Mainline* (KM55.6 hingga KM90.5) telah siap sepenuhnya dan telah dibuka untuk perkhidmatan tren penumpang dari Stesen Bongawan ke Stesen Beaufort pada 14 September 2009. Bagi *Gorge Line* (KM90.5 hingga KM139.7) pula, kontraktor hanya menyiapkan 9km berbanding 49km secara keseluruhannya. Kontraktor telah menghentikan kerja-kerja pembinaan di *Gorge Line* ekoran masalah kegagalan cerun. Semua stesen dan kuarters (kecuali stesen Tenom) telah siap dan diserahkan kepada JKNS pada 13 April 2009. Stesen yang terlibat adalah seperti berikut:
 - a. Stesen Bongawan;
 - b. Stesen Membakut;
 - c. Stesen Beaufort;
 - d. Stesen Saliwangan;

No: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

- e. ~~STESEN RAYOH~~
- f. Stesen Rayoh; dan

PERTANYAAN

g. Stesen Pangkalan.

Pada masa ini, perbincangan sedang dijalankan bersama kontraktor yang terlibat bagi membincangkan kaedah penyelesaian yang terbaik untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan untuk kedua-dua sektor tersebut.

NO. AUM : 9

NO. AUP : VI

LISAN

PERTANYAAN

TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

DARIPADA ~~PERITA HUA~~

22 JUN 2010

N PERTANYAAN

TARIKH

2736

SOALAN

BAGI JAWAB

ROJAKAN

LISAN

Tuan ~~DEWAN SAKY~~ [Ipoh Timur] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah sijil kerakyatan yang telah dikeluarkannya semasa pilihan raya-pilihan raya kecil, jumlah permohonan sijil kerakyatan dan sijil Penduduk Tetap (PR) yang belum siap diproses, dan mengapakah beliau tidak menyelesaikan semua itu dan sebaliknya menggunakan sebagai "hadiah" dalam Pilihan Raya Kecil".

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri telah menyediakan program penyerahan MyKid, MyKad, Sijil Lahir, Surat Kelulusan Warganegara dan Sijil Warganegara secara berterusan sejak dari tahun 2008 kepada pemohon-pemohon yang telah berjaya. Ini menunjukkan bahawa tindakan penyerahan dokumen-dokumen tersebut tidak hanya dibuat pada masa Pilihan Raya Kecil sahaja sebagaimana dakwaan Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur.

Namun begitu, apabila pemimpin-pemimpin Kerajaan turun ke lapangan, Kementerian akan mengambil peluang supaya keputusan-keputusan yang berkaitan dengan taraf kewarganegaraan diserahkan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan secara terus kepada pemohon-pemohon yang berjaya. Ini merupakan salah satu '*outreach program*' yang sangat-sangat ditekankan bagi mendekatkan diri dengan masyarakat.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan bahawa penyerahan sijil kerakyatan sewaktu pilihanraya kecil bukanlah merupakan satu “hadiah” tetapi adalah merupakan ‘outreach program’ Kementerian Dalam Negeri. Penyerahan ini bukan sahaja dilaksanakan semasa pilihanraya kecil tetapi ia adalah merupakan ‘outreach program’ yang berterusan dari masa ke semasa. Sebagai contoh ‘outreach program’ seperti ini juga telah diadakan di Putrajaya, Ipoh, Perak, Kluang, Johor dan Bintulu serta Long Kevok, Sarawak. Program sebegini rupa juga bakal diteruskan dimasa-masa hadapan.

NO. AUM : 08
NO. AUP : 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN BUMBURING
[TUARAN]
TARIKH : 22 JUN 2010
RUJUKAN : 2884

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip Bin Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan kepada mereka yang merancang untuk mengadakan perhimpunan perkauman seperti 13 Mei yang cuba diadakan di Terengganu.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Gerakan Kebangkitan Rakyat (GERTAK) adalah sebuah pertubuhan atau

JAWAPAN

kumpulan tidak berdaftar terdiri daripada gabungan 24 buah NGO seluruh Negeri Terengganu. Kumpulan ini diwujudkan pada 3 Januari 2010.

GERTAK dan Institut Integriti Malaysia (IIM) Negeri Terengganu sebelum ini merancang mengadakan program bertajuk ‘Melayu Bangkit’ pada 13 Mei 2010, bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu. Cadangan perhimpunan ini telah mendapat permit daripada IPD Kuala Terengganu. Bekas Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir bin Mohamed telah dijemput untuk menyampaikan ucaptama di samping membincangkan beberapa isu termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 dan perancangan ke arah penyatuan orang Melayu. Mengikut kumpulan ini, tarikh 13 Mei 2010 dipilih adalah bertujuan mengenang kembali peristiwa yang berlaku pada tarikh tersebut agar peristiwa seperti itu tidak berulang kembali kerana ia telah menjaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini yang pernah hidup aman dan damai. Walau bagaimanapun, program berkenaan telah dibatalkan ekoran desakan dan bantahan dari pelbagai pihak yang keliru dengan pemilihan tarikh tersebut.

Program berkenaan telah mendapat bantahan dan menerima maklumbalas negatif dari sesetengah pihak. Bagaimanapun, hanya satu (1) penyerahan memorandum dan dua (2) laporan polis telah dibuat dalam melahirkan bantahan tersebut. Bagi setiap laporan polis yang dibuat telah diberi perhatian dan siasatan dijalankan sebelum tindakan lanjut diambil mengikut peruntukan undang-undang bagi mendakwa mereka yang terbabit. Dalam hubungan ini perhimpunan yang dirancang tersebut telah dibatalkan sendiri oleh pihak penganjur. Adalah didapati berkaitan dengan perkara ini tiada sebarang

kejadian atau gerakan pada pemerhatian pihak polis boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam.

Dalam usaha memastikan keharmonian rakyat terpelihara dan keadaan keselamatan negara terjamin, pihak kerajaan akan terus menjalankan pemantauan ke atas setiap aktiviti yang dianjurkan sama ada oleh individu, pertubuhan atau persatuan dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan tegas mengikut peruntukan undang-undang sedia ada terhadap mana-mana pihak yang cuba mencetuskan sensitiviti perkauman dan ketegangan kaum.

NO. AUM : 21
NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2738

SOALAN:

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan banduan akhir dalam negara di penjara yang memperolehi keampunan (*clemency*) dalam jangkamasa 10 tahun ini dan sifat kepada keampunan (*clemency*) tersebut.

Jawapan:

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Gelugor yang mengemukakan pertanyaan.

Berdasarkan Peraturan 114, Peraturan-Peraturan Penjara 2000, banduan akhir atau banduan hukuman mati boleh mengemukakan petisyen atau

Tuan Yang Di Pertua,

rayuan kepada Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri di mana kesalahan itu dilakukan. Bagi banduan hukuman mati yang ingin mengemukakan petisyen, mereka akan dibantu oleh Jabatan Penjara dalam menyediakan petisyen berkenaan.

Dalam tempoh 10 tahun iaitu mulai tahun 2000 hingga 2009 seramai 14 banduan akhir telah diberikan pengampunan. Bentuk pengampunan yang diberikan adalah seperti berikut:

- i. 7 banduan telah diringankan dari hukuman mati kepada hukuman penjara seumur hayat;
 - ii. 1 banduan telah diringankan dari hukuman mati kepada hukuman penjara seumur hayat dan persidangan Jemaah Pengampunan Negeri berikutnya diringankan kepada 20 tahun;
1 banduan telah diringankan dari hukuman mati kepada hukuman penjara seumur hayat dan persidangan Jemaah Pengampunan Negeri berikutnya diputuskan untuk dibebaskan serta merta;
- 4 banduan telah diringankan dari hukuman mati kepada hukuman penjara 20 tahun; dan
- 1 banduan telah diringankan dari hukuman mati dan diperintah dibebaskan serta-merta.

NO. AUP :

JAWAPAN

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2734

SOALAN:

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) jumlah kelahiran di negara ini sejak 20 tahun yang lalu mengikut pecahan tahun, kaum dan negeri; dan

(b) jumlah kad pengenalan yang dikeluarkan sejak 20 tahun yang lalu mengikut pecahan tahun, kaum dan negeri.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Putatan

yang mengemukakan pertanyaan.

No: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kelahiran yang didaftarkan di Negara ini sejak dari tahun 1990 sehingga Disember 2009 ialah 10,586,790. Manakala jumlah Kad Pengenalan termasuk MyKad, MyPR dan MyKas yang dikeluarkan sejak tahun 2000 hingga 31 Disember 2009 ialah 28,803,798.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pengeluaran Kad Pengenalan sebelum tahun 2000 tidak dapat dibekalkan kerana rekod tersebut tidak diselenggara secara elektronik.

PERTANYAAN	JAWAB LISAN
DARIPADA	DATO' NGEH KOO HAM
TARIKH	22 JUN 2010 (SELASA)
SOALAN	N0.38
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI	PENGAJIAN TINGGI menyatakan siapakah tuanpunya Uni KL (MIMET) yang dibina di Dataran Industri Kejuruteraan Marin, Bandar Teknologi Maritim, Jalan Pantai Remis, 32200 Lumut, Perak dan siapakah yang layak untuk memohon memasuki Universiti ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Universiti Kuala Lumpur, Malaysian Institute of

JAWAPAN

Marine Engineering Technology (UniKL MIMET) adalah di bawah pengurusan syarikat Universiti Teknikal MARA Sdn. Bhd. di mana pemilik utamanya adalah Majlis Amanah Rakyat (MARA). Universiti ini telah diluluskan penubuhannya pada 17 Jun 2002 dan mula beroperasi pada 6 Disember 2004.

Sehingga Disember 2009, enrolmen pelajar di UniKL MIMET adalah seramai 1,247 orang, manakala bilangan staf akademik pula adalah seramai 80 orang.

Uni KL MIMET menawarkan program diploma dan sarjana muda iaitu:

BET (Hons) in Naval Architecture and Shipbuilding;

Bachelor of Maritime Operations; in. Diploma of Engineering

Technology in Ship Construction & Maintenance;

iv. *Diploma of Engineering Technology in Marine Engineering;*

v. *Diploma of Engineering Technology in Ship Design; dan*

vi. *Diploma of Engineering Technology in Marine Electrical & Electronic.*

Untuk program Diploma, syarat kelayakan adalah seperti berikut:

i. Lulus SPM/SPMV dengan sekurang-kurangnya lima (5) kredit, termasuk matapelajaran-matapelajaran berikut:

- a. Bahasa Melayu,
- b. Matematik,
- c. Sains/Sains Tulen/Teknikal

Dan

ii. sekurang-kurangnya dua (2) matapelajaran lain dengan sekurang-kurangnya pangkat lulus dalam bahasa Inggeris.

Atau

i. Memperolehi sijil Institut Kemahiran MARA (IKM) atau sijil Institut Latihan Perindustrian (ILP) daripada institusi yang diiktiraf oleh Senat dengan pencapaian CGPA 2.00 ke atas, serta sekurang-kurangnya lulus bahasa Melayu dalam SPM.

Untuk program sarjana muda, syarat kelayakan adalah seperti berikut:

- i. diploma dengan pencapaian minima CGPA 2.00 dalam bidang yang relevan daripada UniKL atau daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf; atau
- ii. lulus Pengajian Asas UniKL dalam bidang Teknologi Kejuruteraan dengan pencapaian minima CGPA 2.00; atau
- iii. lulus peringkat Matrikulasi dengan pencapaian minima CGPA 2.00; atau
- iv. memperolehi STPM atau kelayakan setaraf, dengan sekurang-kurangnya pencapaian gred C dalam tiga matapelajaran; atau
- v. memperolehi STPM atau kelayakan setaraf, dengan sekurang-kurangnya pencapaian gred C dalam dua matapelajaran dan gred D dalam dua lagi matapelajaran, termasuk Kertas Am.

22.06.2010

DARIPADA

DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE
(SETIAWANGSA)

PERTANYAAN

LISAN

SOALAN NO

39

TARIKH

Dato' Hj. Zulhasnan b. Rafique (Setiawangsa) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan pencarum-pencarum yang mencarum ke dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) agar tidak terpedaya dengan sindiket-sindiket yang menawarkan pengeluaran wang KWSP kepada mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, KWSP ada menerima permohonan pengeluaran daripada pencarum KWSP yang dapat dikategorikan sebagai meragukan. Hasil siasatan mendapati kegiatan ini didalangi oleh sindiket-sindiket yang menggunakan ejen-ejen yang bergerak mempengaruhi pencarum KWSP di seluruh negara dengan mengenakan bayaran perkhidmatan pada kadar tertentu. Kegiatan ini sukar dibendung apabila pencarum sendiri kebanyakannya bersetuju dengan syarat yang dikenakan berikut

masalah kewangan yang mereka hadapi akibat kemelesetan ekonomi global yang melanda.

2. Kementerian Kewangan menyedari hakikat bahawa kegiatan sindiket ini memudharatkan dan mesti dibanters. Wang simpanan pencarum KWSP perlu dilindungi bagi kegunaan semasa pencarum bersara. Bagi pencarum yang terbukti mengemukakan dokumen palsu yang disediakan oleh sindiket seperti Surat Perjanjian Jual Beli Rumah, Surat Tawaran Pinjaman Perumahan dan Laporan Perubatan, tindakan telah dan akan diambil dengan membuat laporan polis dan seterusnya tindakan pendakwaan di mahkamah. Setakat ini terdapat pencarum

yang telah pun didakwa di mahkamah dan dijatuhi hukuman (denda). Tindakan pendakwaan dan hukuman ini dislarkan di akhbar-akhbar utama sebagai peringatan kepada pencarum-pencarum dan sindiket-sindiket.

3. Langkah berterusan diambil oleh KWSP membenteryas penipuan pengeluaran termasuklah:

- (i) Mengeluarkan siaran-siaran akhbar memaklumkan pencarum- pencarum bahawa KWSP tidak berkompromi dengan pencarum yang mengemukakan permohonan pengeluaran palsu dan tidak pernah melantik ejen-ejen bagi menguruskan permohonan pengeluaran wang simpanan KWSP mereka.
- (ii) Memperketatkan lagi semakan permohonan dengan mendapatkan pengesahan pihak ketiga seperti pemaju perumahan, syarikat peguam, institusi pemberi pinjaman serta hospital bagi permohonan- permohonan pengeluaran wang pencarum bagi memastikan permohonan yang tulen sahaja diluluskan.
- (iii) Melancarkan Polisi Anti-Fraud dan Polisi Pendedahan Maklumat di KWSP bertugas untuk menyatakan pendirian tegas KWSP terhadap perlakuan fraud, memastikan integriti dan ketelusan organisasi sentiasa diamalkan dan menyediakan saluran yang selamat, mudah dan menjamin kerahsiaan kepada sesiapa yang mendedahkan maklumat mengenai fraud atau salah laku di KWSP.
- (iv) Menyediakan poster-poster untuk dipamerkan di kaunter-kaunter KWSP, mengingatkan ahli supaya tidak terlibat dengan penipuan pengeluaran.

4. Akibat daripada langkah-langkah pengesahan awal ini, cubaan penipuan permohonan pengeluaran telah berkurangan dimana banyak kes telah dikesan sebelum kelulusan.

SOALAN NO: 40

PERTANYAAN DARIPADA	PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
	LISAN
	YB TUAN LIM LIP ENG
	[SEGAMBUT]
TARIKH	SELASA, 22 JUN 2010
RUJUKAN SOALAN	05 [PR-1232-L37131]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan 5 alasan secara teliti mengapa cadangan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak untuk membina jambatan yang menghubungkan Labuan dan Sabah tidak akan dimasukkan dalam RMK-10.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Pertama ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10), di Dewan yang mulia ini pada 10 Jun lalu telah mengumumkan bahawa mulai RMKe-10, pelaksanaan projek secara *rolling plan* akan diperkenalkan. Melalui pendekatan ini, peruntukan program dan projek pembangunan akan dibuat untuk setiap dua tahun bermula dengan tahun 2011 sehingga 2012.

Pendekatan *rolling plan* membolehkan Kerajaan membuat komitmen berdasarkan keupayaan kewangan semasa dan memberikan fleksibiliti

kepada Kerajaan untuk mengambil kira keutamaan-keutamaan baru berdasarkan perkembangan di dalam ekonomi domestik atau global. Ini bermakna, melalui kaedah *rolling plan*, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) boleh, pada bila-bila masa, memasukkan cadangan untuk membina sebuah jambatan untuk menghubungkan Labuan dengan Sabah dalam RMKe-10 **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN** sepanjang tempoh rancangan itu, yakni di antara tahun 2011 - 2015.

DEWAN RAKYAT
Permohonan projek-projek di bawah kuasa KWPKB dalam tempoh RMKe-10 dibuat berdasarkan kepada keutamaan dan kepentingan projek yang dapat memberikan pulangan (*outcome*) yang maksimum kepada rakyat berdasarkan kos, selaras dengan keperluan dan prioriti semasa Kerajaan.

NO AUM

PERTANYAAN :	LISAN	
DARIPADA	DATUK MD.SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]	
TARIKH	22 JUN	2010
RUJUKAN	2743	

SOALAN:

Datuk Md.Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan lanjut Kerajaan terhadap mereka yang menyamar sebagai berketurunan raja, bergelar Tan Sri, Datuk, dan Doktor yang akhirnya mencemarkan nama baik gelaran tersebut. Berapa banyak kes penyamaran ini telah dikemukakan dan yang telah dapat diselesaikan.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, setakat ini pihak polis tidak menerima sebarang laporan menyamar seperti yang dimaksudkan oleh Ahli yang Berhormat. Kerajaan memandang serius dan akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang menyamar sebagai berketurunan raja dan pelbagai gelaran lain bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dan tipu daya disamping mencemarkan nama baik gelaran-gelaran tersebut.

JAWAPAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

KAWASAN : KUALA KRAI

TARIKH : 22.06.2010 (SELASA)

NO. SOALAN : m AX

YB. DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta MENTERI PERDAGANGAN ANT ARAB ANGS A DAN INDUSTRI menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menyediakan pemegang-pemegang AP mengimport kereta menjelang penamatan pemberian AP pada 2015.

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, antara langkah- langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu syarikat- syarikat pemegang AP Terbuka untuk beralih ke sektor perniagaan yang lain berikutnya PEMBERTAHU PERTANYAAN pemansuhan sistem AP bagi pengimportan kenderaan terpakai menjelang 31 Disember 2015 adalah:

- (i) merangka pelan pembangunan Bumiputera dalam sektor automotif bagi membantu syarikat-syarikat Bumiputera membuat persediaan dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan serta memastikan penyertaan Bumiputera yang berterusan dalam sektor automotif; dan**
- (ii) menubuhkan Dana Automotif Bumiputera untuk mendapatkan sumber kewangan bagi menjalankan program-program di bawah Pelan Pembangunan Bumiputera yang telah dikenal pasti. Sumber dana akan diperolehi daripada sebahagian hasil kutipan fi**

JAWAPAN
sebanyak

RM10,000 kepada setiap unit AP yang dikeluarkan kepada pemegang AP Terbuka.

Antara program yang dikenalpasti dan boleh dilaksanakan di dalam Pelan Pembangunan Bumiputera adalah pinjaman mudah untuk dijadikan modal kerja kepada usahawan Bumiputera yang berminat menceburi bidang di dalam sub- sektor automotif yang lain atau bidang selain sektor automotif dan *matching grant* untuk latihan bagi pekerja-pekerja yang baru menceburi bidang automotif.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan Pelan Pembangunan Bumiputera yang dirangka bertepatan dengan kehendak industri, Kerajaan pada 1 Oktober 2009 telah menubuhkan satu jawatankuasa bersama di antara MITI dan PEKEMA bertujuan untuk:

- (i) mengadakan konsultasi serta mendapatkan maklum baias ahli-ahli PEKEMA terhadap isu dan cabaran mengenai pelaksanaan dasar Kerajaan berkaitan pengimportan kenderaan; dan mengenal pasti, menyelaras dan menilai program yang berkaitan

dengan pelan pembangunan Bumiputera dalam sektor automotif selaras dengan objektif *Bumiputera Commercial and Industry Community* (BCIC).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOKSENA]
TARIKH : 22 JUN 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk mekanisme pemantauan yang dibuat bagi memastikan ketelusan dan keberkesanan perbelanjaan ke atas peruntukan RM1 juta yang diberi dan dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen serta nyatakan agensi Kerajaan manakah yang menguruskan rekod- rekod perbelanjaan peruntukan tersebut.

JAWAPAN:

Rekod bagi permohonan peruntukan dan rekod perbelanjaan yang meliputi borang permohonan, maklumat kelulusan, maklumat pembelian dan pembayaran serta penerimaan barang direkodkan mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan maklumat ini disimpan di Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) di setiap negeri dan dipantau oleh Ibu pejabat Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan

Perdana Menteri (ICU JPM). Pengurusan program/projek di bawah peruntukan ini dikendalikan dan diselaraskan oleh PPN.

NO. AUM : 25
NO. AUP : VH

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DR LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [
TITIWANGSA]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2739

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Pelan Tindakan Kerajaan untuk mengurangkan kebanjiran pendatang asing yang semakin menjadi-jadi di mana mereka bermiaga tanpa lesen atau dilindungi warga tempatan dan persatuan peniaga, bekerja di sektor-sektor 'barisan hadapan' yang mengurangkan peluang pekerjaan warga tempatan, menguasai kampung-kampung dan penempatan orang tempatan serta melakukan gangguan dan jenayah di Kampung Pandan, Kampung Dato' Keramat dan Kampung Baru (Chow Kit, Jalan Raja Alang dan Jalan Raja Bot).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kehadiran warganegara asing di negara ini samada bertujuan melancong atau bekerja telah memberi sumbangan besar dalam industri berkenaan, di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan terdapat segelintir warganegara asing ini yang melanggar undang-undang negara seperti terlibat dalam kegiatan jenayah dan menimbulkan masalah-masalah berkaitan isu sosial, keselamatan negara, ketenteraman awam dan imej negara. Pemantauan, kawalan dan penguatkuasaan yang bersepadu dan berterusan akan dapat mengurangkan masalah-masalah berkaitan isu sosial, jenayah, keselamatan negara, ketenteraman awam dan imej negara yang membabitkan warganegara asing. Sebagai contoh pada Mei 2009, Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya telah melancarkan Ops Nyah II di kawasan Kampung Pandan yang turut disertai oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Ampang Jaya. Hasil dari operasi ini seramai 38 orang telah ditangkap. Jabatan Imigresen Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga telah menjalankan sejumlah 5 operasi di sekitar kawasan Kampung Baru, Chow Kit dan Dato' Keramat dari Januari 2010 sehingga April 2010, yang mensasarkan rumah setinggan, rumah kongsi, rumah sewa, rumah tumpangan dan lain-lain sasaran. Hasilnya sebanyak 71 tangkapan telah dibuat. Selain itu, Kampung Pandan merupakan salah satu

kawasan 'hotspot' di bawah pentadbiran Balai Polis Ampang di bawah NKRA mengurangkan kadar jenayah. Ini memudahkan pemantauan dan rondaan oleh PDRM untuk mengurangkan kadar jenayah, samada dilakukan oleh warganegara asing mahupun warga tempatan selaras dengan sasaran NKRA berkenaan.

NO. AUM : 26

NO. AUP : fS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU
[TELOK INTAN]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2740

SOALAN

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah orang asing yang tiada dokumen diberkas oleh pihak polis/imigresen untuk tahun 2000-2009 mengikut negeri; dan

- (b) berapakah jumlah di antara mereka yang mempunyai MyKad yang sah dan yang dipalsukan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Telok Intan yang
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
mengemukakan pertanyaan.
DEWAN RAKYAT

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atas pelbagai kesalahan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tahun 2000 hingga 2009 berjumlah 543,203 dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

- | | | |
|--------|-----|---------------------------|
| (i) | Bag | tahun 2000 adalah 105,92 |
| (ii) | Bag | tahun 2001 adalah 124,99 |
| (iii) | Bag | tahun 2002 adalah 104,93 |
| (iv) | Bag | tahun 2003 adalah 67,109; |
| (v) | Bag | tahun 2004 adalah 62,919; |
| (vi) | Bag | tahun 2005 adalah 13,476; |
| (vii) | Bag | tahun 2006 adalah 13,750; |
| (viii) | Bag | tahun 2007 adalah 19,679; |
| (ix) | Bag | tahun 2008 adalah 13,563; |
| (x) | Bag | tahun 2009 adalah 16,857. |

Manakala jumlah tangkapan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi kesalahan di bawah Seksyen 6(3) Akta Imigresen 1959/63 iaitu

JAWAPAN:

kesalahan masuk ke Malaysia tanpa dokumen Imigresen yang sah pula berjumlah 244,993 dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

- (i) Bag tahun 2001 adalah 14,577
- (ii) Bag tahun 2002 adalah 15,839
- (iii) Bag tahun 2003 adalah 27,235
- (iv) Bag tahun 2004 adalah 14,622
- (v) Bag tahun 2005 adalah 19,146
- (vi) Bag tahun 2006 adalah 38,225
- (vii) Bag tahun 2007 adalah 40,843
- (viii) Bag tahun 2008 adalah 47,664
- (ix) Bag tahun 2009 adalah 26,842

Tuan Yang Di-Pertua,

dan

- (b) Sejumlah 716 kes MyKAD yang diubahpinda (*tampered*) telah dikenalpasti oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dalam tempoh (5) tahun, iaitu 56 Kes pada tahun 2005, 134 kes pada tahun 2006, 140 kes pada tahun 2007, 238 kes pada tahun 2008 dan 148 kes pada tahun 2009.

Pemegang-pemegang MyKAD ini telah diperiksa dan ditahan melalui operasi bersepadu di antara JPN, PDRM, JIM dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mereka yang ditahan telah dan akan didakwa di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 yang boleh membawa hukuman penjara tidak lebih tiga (3) tahun atau denda tidak lebih RM20,000.00 atau kedua-duanya, jika bersabit kesalahan.

NO. SOALAN: 46

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: **BAGI JAWAPAN LISAN**

DARIPADA: **YB. TUAN AZAN BIN ISMAIL
[INDERA MAHKOTA]**

TARIKH: **22 JUN 2010 [SELASA]**

SOALAN:

46. PR-1232-L37433

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah serta cadangan pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kewangan yang berkaitan dengan pengeluaran bon-bon bagi menjamin projek PKFZ serta apakah strategi untuk memulihkan projek itu.

**JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN
YANG BERKENAAN.**

NO. AUM : 30
NO. AUP : Yf

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN
[PENDANG]**

TARIKH 22 JUN 2010 (SELASA)

RUJUKAN 2741

SOALAN:

DATO' DR. HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN [PENDANG] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang ditahan dibawah ISA hingga kini dan kategori kesalahan mereka menyebabkan mereka ditahan serta jumlah lama masa mereka ditahan hingga kini serta rasional masa tersebut.

JAWAPAN
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Pendang yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli yang berhormat bahawa pada masa ini, terdapat lima belas (15) orang tahanan masih menjalani Perintah Tahanan di bawah AKDN 1960. Mereka ini terdiri daripada enam (6) orang tahanan yang terlibat dengan kegiatan militan dan pengganasan, tiga (3) orang tahanan yang didapati terlibat dengan pemalsuan dokumen serta enam (6) orang tahanan yang terlibat dengan penyeludupan manusia, pemalsuan dokumen serta militan.

Hanya seorang (1) tahanan yang telah menjalani tempoh penahanan selama lapan (8) tahun kerana masih belum pulih dan berpegang teguh dengan ideologi militan kumpulan Jemaah Islamiah. Orang tahanan yang lain sedang menjalani Perintah Tahanan di antara satu (1) tahun hingga dua (2) tahun. Rasional tahanan adalah untuk tujuan pemulihan ke atas orang tahanan tersebut dan memastikan mereka tidak lagi mendatangkan ancaman yang boleh memudaratkan keselamatan Malaysia sebelum dibebaskan.

NO. AUP : ^

NO. AUM .JE

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]

TARIKH 22 JUN 2010

RUJUKAN 2742

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah benar atau tidak bekas Pegawai Khas Datuk Nasir Safar adalah lelaki dalam Proton berwarna biru yang sampai di hadapan rumah Razak Baginda pada malam 19hb Oktober 2006 beberapa minit sebelum Altantuya dibawa dari sana oleh Sirul Azahar, Azilah Hadri dan L/C Rohaniza.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, hasil daripada siasatan polis, tidak terdapat nama atau suspek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat terlibat di dalam kes pembunuhan Altantuya.

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN] 22 JUN
TARIKH 2010 (SELASA)

NO. SOALAN :

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejajar dengan perkembangan bandar Seremban yang menghampiri status bandaraya, apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk membina lebuh raya terus dari KLIA ke Bandar Seremban.

JAWAPAN :

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina lebuh raya terus dari KLIA ke Seremban.

SOALAN (50)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 22 JUN 2010 (SELASA)
DARIPADA : Y.B. TUAN HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)

SOALAN

Y.B. TUAN HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan kenapa "Incinerator Plant" yang telah siap dibina di Rancha-Rancha, Labuan dibina beberapa tahun yang lalu dengan peruntukan RM22 juta masih tidak beroperasi sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, loji insinerator atau *Thermal Oxidation Plant* yang telah dibina di Kampung Rancha-Rancha, Labuan telah siap secara fizikalnya pada Ogos 2004. Bagaimanapun, loji tersebut didapati tidak dapat memenuhi keperluan atau spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Oleh itu, loji tersebut tidak dapat diterima oleh kerajaan dan kontrak tersebut telah ditamatkan. Pada ketika ini satu proses timbangtara sedang dijalankan bagi menyelesaikan isu pampasan yang dituntut oleh kedua-dua pihak akibat penamatan kontrak tersebut.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Jun 2010

No.Soalan :

51 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH 22 JUN 2010

SOALAN

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilangan kakitangan awam kontrak yang diambil sejak tahun 2005:-

- (a) senaraikan perbelanjaan pengupahan kakitangan awam kontrak mengikut Kementerian; dan

- (b) apakah perancangan Kementerian ini untuk mengurangkan pergantungan kepada kakitangan awam kontrak.

JAWAPAN

YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga 31 Disember 2009, jumlah kakitangan awam atau pegawai lantikan kontrak yang masih berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah seramai **33,827** orang. Jumlah ini melibatkan pelbagai skim perkhidmatan antaranya Pegawai Perubatan, Pensyarah Universiti, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Jururawat, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma, Pembantu Penerangan (JASA) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat (KEMAS). Pegawai lantikan kontrak layak menerima gaji, elauan dan kemudahan berdasarkan syarat-syarat yang telah dipersetujui dalam perjanjian kontrak. Perbelanjaan yang diperuntukkan bagi tujuan pembayaran emolumen (pengupahan) kepada pegawai lantikan kontrak untuk tempoh 5 tahun mulai 2005 hingga 2009 dianggarkan sebanyak **RM522juta** dengan purata sebanyak RM104.4juta setahun. Sebanyak 90 peratus daripada anggaran perbelanjaan tersebut dibuat oleh tiga kementerian iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Kesihatan serta

- Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.
- (b) Bagi mengurangkan pergantungan kepada pegawai lantikan kontrak, Kementerian telah dan akan membuat perancangan berikut:
- (i) mengkaji kesesuaian tugas-tugas yang dilaksanakan oleh pegawai lantikan kontrak bagi tujuan diwujudkan jawatan tetap;
 - (ii) meningkatkan kemahiran dan kepakaran pegawai tetap dan menambah baik pelaksanaan pelan penggantian bagi mengurangkan kebergantungan kepada pegawai lantikan kontrak dari kalangan pesara; dan
 - (iii) meningkatkan peluang kepada warganegara untuk mengikuti pengajian dalam bidang kritikal seperti perubatan dan penyelidikan supaya pergantungan kepada pegawai kontrak bukan warganegara dapat dikurangkan.

Walau bagaimanapun, terdapat Kementerian tertentu yang masih memerlukan perkhidmatan pegawai lantikan kontrak berdasarkan fungsi dan skop tugas jawatan yang lebih sesuai dilaksanakan secara kontrak seperti Pembantu Penerangan (JASA) dan Pembantu Pembangunan Masyarakat (KEMAS). Sekian. Terima kasih.

NO SOALAN :

52

PEMBERITAHU

**PERTANYAAN
PERTANYAAN
DEWAN
DARIPADA :**

RAKYAT

**LISA
N**

TARIKH

**Y.B. DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)
22.06.2010
(SELASA)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan nilai kos Projek Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan di Sungkai, Perak sama ada tender pembinaan projek dilakukan secara tender terbuka dan sejauh mana pembabitan Master Plan Consultancy (MPC) dalam projek tersebut dan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula penglibatan MPC setelah dipertikaikan kaitannya dengan pengambilan ejen-ejen perisik Israel dalam projek ICT PDRM.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan Projek Taman Teknologi Pertahanan dan Keselamatan di Sungkai, Perak ini akan dilaksanakan oleh pihak swasta dan tidak melibatkan sebarang kos kepada pihak Kerajaan. Peranan Kerajaan dalam projek ini adalah untuk menyediakan tapak, iaitu memajakkan tanah milik Persekutuan selama 60 tahun bagi membolehkan projek ini dilaksanakan. Kerajaan bakal mendapat pulangan hasil daripada pajakan tanah tersebut selama 60 tahun daripada Master Plan Consultancy (MPC) di samping bakal

memiliki kemudahan infrastruktur yang boleh digunakan oleh Kementerian / Agensi Persekutuan lain pada masa akan datang setelah tempoh pajakan tamat kelak.

No:53

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)

PERTANYAAN : LISAN :

TARIKH : 22.06.2010 :

SOALAN NO 53
Dr. Mujahid Bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah isu lesen judi bola telah dibincangkan dengan mufti dan lain-lain pihak berwajib tentang agama Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan secara prinsipnya mengeluarkan semula lesen pertaruhan bookie kerana Kerajaan bertindak mengikut prinsip pemimpin seharusnya bertindak ke atas rakyatnya berdasarkan kesesuaian maslahah (kebajikan dan kepentingan umum) seperti yang terkandung dalam siasah syariah. Masyarakat di negara ini terdiri daripada berbilang kaum dan Kerajaan tidak berniat untuk menafikan hak dan budaya golongan bukan Islam.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Kerajaan telah meletakkan syarat bahawa pertaruhan *bookie* ini hanya boleh dikendalikan dan dibuat oleh individu bukan Islam sahaja sama seperti semua aktiviti perjudian lain yang dilesenkan oleh Kerajaan.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan telah menawarkan pengeluaran semula lesen pertaruhan *bookie* untuk membanteras kegiatan pertaruhan *bookie* tidak berlesen yang berleluasa dewasa ini. Selain itu, dengan melesenkan aktiviti pertaruhan *bookie*, Kerajaan dapat mengawal selia aktiviti ini mengikut undang-undang negara dengan lebih teratur. Oleh itu Kerajaan tidak meminta pandangan daripada pihak berwajib tentang agama Islam kerana perkara ini hanya melibatkan orang-orang bukan

Islam.

SOALAN NO: 54

**PERTANYAAN
DARIPADA**

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN
DEWAN
RAKYAT,
LISAN
MALAYSIA
YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH

SELASA, 22 JUN 2010

**RUJUKAN
SOALAN**

06 [PR-1232-L37092]

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan butiran penuh cadangan kerja-kerja menaik taraf Pasar Pudu, Kuala Lumpur dari segi jumlah kos projek, skop kerja dibuat bagi bangunan pasar sedia ada dan tapak pasar terbuka, lokasi serta kosnya bagi kawasan penjaja sementara serta siapakah yang menanggung kos penempatan sementara penjaja-penjaja dan sebab-sebab penolakan untuk diadakan taklimat bagi semua penjaja dan pekedai persekitaran yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Cheras, Projek Menaiktaraf Pasar Pudu melibatkan kerja-kerja menaiktaraf dan membaik pulih Pasar Pudu dengan anggaran kos sebanyak **RM1 juta**. Projek ini dijadual dilaksanakan secara berperingkat iaitu secara Fasa 1 dan Fasa 2.

Ke arah itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mencari tapak alternatif untuk menempatkan buat sementara penjaja terbabit apabila kerja-kerja menaiktaraf dilaksanakan.

DBKL akan menyediakan kemudahan asas di tapak penjaja sementara tersebut. Manakala, pembayaran sewa di tapak penjaja sementara itu akan diselaraskan oleh Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Pudu, Kuala Lumpur.

Berhubung isu taklimat mengenai kerja-kerja menaiktaraf Pasar Pudu, sukacita dimaklumkan bahawa saya dan Datuk Bandar Kuala Lumpur telah turun padang sebanyak dua kali pada 12 Jun 2009 dan 19 November 2009 untuk meninjau keadaan di sana dan mengadakan pertemuan serta taklimat kepada Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga- Peniaga Kecil Pudu, Persatuan Penjaja Bumiputera Pasar Pudu (PEBUMI) dan Persatuan Pembantai-Pembantai Selangor dan Wilayah Persekutuan Pasar Pudu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelan untuk menaiktaraf Pasar Pudu telah siap manakala kontraktor juga telah dilantik. Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) kini hanya menunggu maklum balas daripada pihak persatuan dan persetujuan daripada keseluruhan penjaja di kawasan Pasar Pudu sebelum boleh memulakan kerja-kerja menaiktaraf tersebut.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 JUN 2010 (SELASA)

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW(TANJONG)

SOALAN

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah

SOALAN (55)

langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan projek-projek Persekutuan memohon dan mendapat kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan dari Pihak Berkuasa Tempatan sejajar dengan peruntukan yang diberikan.

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan dua (2) Pekeliling masing-masing bertarikh 15 Ogos 1995 dan 14 Jun 1999 berkaitan Peraturan Membina Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan sebagai panduan kepada agensi-agensi pelaksana, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melaksanakan pembangunan projek-projek Kerajaan melalui Pusat Setempat (One Stop Centre, OSC) yang dilancarkan pada 13 April

2007 dan mula diwujudkan di semua PBT di Semenanjung Malaysia mulai Jun 2007, proses pegemukaan pelan-pelan bagi tujuan kelulusan PBT telah dipermudahkan dan dipendekkan tempoh keputusan kepada 4 bulan berbanding 12 bulan sebelum ini bagi permohonan projek- projek Kerajaan yang dikemukakan lengkap dan serentak.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

SOALAN (56)

LISAN

22 JUN 2010 (SELASA)
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MANGGIW (KEPONG)

PERTANYA SOALAN

AN Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG) minta
TARIKH MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN
TEMPATAN menyatakan apakah amaun sisa pepejal
DARIPADA harian di KL dan cara-cara mengatasinya. Apakah
unjuran dan cara-cara Alam Flora atau syarikat lain untuk
menanganinya sehingga 2020?

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan anggaran Alam Flora Sdn. Bhd., purata jumlah sisa pepejal sehari di Kuala Lumpur bagi tahun 2009 adalah sebanyak 2,100 tan sehari. Penjanaan sisa pepejal ini berkait rapat dengan sikap orang ramai sendiri yang mengamalkan cara hidup yang tidak lestari atau "*unsustainable production and consumption pattern*". Komposisi sisa pepejal yang terdiri daripada 45% sisa makanan adalah bukti kepada perkara ini. Oleh itu amat penting sikap membazir sedemikian ditangani bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan. Dalam hal ini, pelbagai kempen kesedaran awam telah dan sedang dijalankan bukan sahaja di Kuala Lumpur malah di seluruh negara.

Selain itu, pendekatan untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal ke tapak pelupusan juga di jalankan. Bagi menangani masalah jumlah sisa pepejal yang banyak ini, banyak program telah dijalankan oleh pelbagai pihak. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) umpamanya melalui program Local Agenda 21 di bawah tema Bandaraya Bersih dan

Indah dalam proses melaksanakan projek perintis untuk memproses sisa pepejal menjadi kompos. Projek perintis ini dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 2010 melibatkan 14 tan sehari sisa pepejal organik dari hotel-hotel, pasar dan perumahan yang telah dikenalpasti.

Bagi strategi jangka masa panjang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yakin penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 kelak dapat menangani masalah penjanaan sisa pepejal ini. Melalui penguatkuasaan Akta tersebut KPKT akan mewajibkan pengasingan sisa pepejal di punca supaya barang yang boleh dikitar semula tidak dilupuskan bersama-sama bahan organik di tapak pelupusan. Dalam pada itu, bagi memperkasa program 3R iaitu "*reduce, reuse and recycle*", KPKT juga melalui Akta berkenaan berharap dapat memperkenalkan sistem terima balik dan sistem bayaran balik deposit menjelang tahun 2020.

Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2010

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN
**DARIPADA YB TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

TARIKH 22.06.2010
(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-

- (a) secara terperinci bagi semua jumlah nilai kontrak yang berkaitan dengan kapal selam Scorpene termasuk penyelanggaraan dan kelengkapan; dan

(b) berapakah jumlah nilai bagi 40 das SM-39 Block 2 daripada Perancis dan 30 das Black Shark torpedo dari Itali serta bilakah Malaysia akan menerima semua ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Keseluruhan nilai kontrak perolehan bagi dua (2) buah kapal selam Scorpene adalah EUR01,084,110,000.00 (EUR01.084 bilion). Skop kontrak ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

- i. Bahagian Pertama: Antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat DCNS (Perancis) dan Syarikat NAVANTIA (Sepanyol) merangkumi perolehan dua buah kapal selam jenis *SCORPENE* dan pakej *Intergrated Logistic Support* (ILS) bernilai EUR0969.15 JUTA.

- ii. Bahagian Kedua: Antara Kerajaan Malaysia dengan Syarikat Perimekar Sdn. Bhd. merangkumi perkhidmatan koordinasi dan sokongan kepada Pasukan Projek Kapai Selam TLDM diCherbourg, Perancis dan Sepanyol serta pelatih-pelatih kapai selam di Brest, Perancis bernilai EUR0114.96 JUTA.

Bagi kelengkapan kapai selam, kerajaan telah menandatangani Kontrak Alatganti dan Alat Bantuan & Ujian Pangkalan (*Support and Test Equipment, S&TE*) bagi kapai selam SCORPENE TLDM dengan syarikat DCNS, Perancis bernilai EUR037.5 juta. Kontrak ini telah ditandatangani semasa penganjuran Pameran LIMA '09. Manakala, kontrak selenggaraan kapai selam masih dalam proses rundingan harga. Kontrak tersebut akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Tuan Yang di-Pertua,

Nilai perolehan misil **SM-39 dan Black Shark Heavyweight Torpedo** adalah berjumlah EUR0219.265 juta. Penerimaan misil berkenaan adalah secara berperingkat sehingga tahun 2013.

/